



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Rujukan Kami: KP.BPM (S) 1/07/001/01 Jld. 38 (33)

Tarikh: 6 Jun 2016

Semua Setiausaha / Pengarah Bahagian
Semua Ketua Eksekutif Agensi
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Kementerian Pendidikan Malaysia

PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016

TADBIR URUS JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tadbir urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2014: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diwujudkan oleh KPM bagi menjelaskan tadbir urus ICT selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh MAMPU.

3. Dengan pembatalan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 dan berkuatkuasanya **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam pada 11 November 2015** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2014 perlu dipinda.

PERANAN DAN STRUKTUR TADBIR URUS JPICT

4. Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015, KPM perlu menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPM, Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPM serta memastikan penubuhan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Badan Berkanun di bawah KPM.

5. Di antara peranan utama jawatankuasa di atas adalah seperti berikut:

a) JPICT KPM:

Menetapkan hala tuju, strategi pelaksanaan ICT dan sumber-sumber ICT serta bertanggungjawab menimbang dan memberi kelulusan teknikal bagi perolehan ICT di KPM dan semua agensi di bawahnya;

b) JTI KPM:

Menilai semua permohonan projek ICT KPM dan semua agensi di bawahnya dan mengesyorkan perakuan teknikal kepada JPICT KPM serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya; dan


c) JPICT JPN dan Badan Berkanun:

Menyelaras hala tuju dan strategi pelaksanaan ICT, mengenal pasti dan mencadangkan sumber-sumber ICT, menyelaras, memantau dan menyeragam pelaksanaan program/projek-projek ICT serta mempertimbangkan kelulusan teknikal perolehan ICT di peringkat JPN dan Badan Berkanun masing-masing dengan had nilai yang dibenarkan.

6. Jawatankuasa Penyelarasan Inisiatif ICT Pengajaran dan Pembelajaran (JKTICT PdP) pula ditubuhkan bagi membuat keputusan berhubung dasar dan strategi inisiatif ICT Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sebelum diangkat ke Mesyuarat JTI KPM dan JPICT KPM. Semua kertas permohonan kelulusan teknikal ICT berkaitan PdP yang akan dibentangkan di Mesyuarat JTI KPM dan JPICT KPM perlu mendapat kelulusan dari JKTICT PdP terlebih dahulu sebelum ia dibentangkan di Mesyuarat JTI KPM dan JPICT KPM.

7. Struktur baru tadbir urus JPICT di KPM adalah seperti berikut:

Rajah 1: Struktur Tadbir Urus JPICT di KPM



8. Bidang rujukan dan keahlian adalah seperti berikut:
- a) JPICT KPM adalah seperti di **Lampiran A**;
 - b) JTI KPM adalah seperti di **Lampiran B**;
 - c) JPICT JPN di bawah KPM adalah seperti di **Lampiran C**;
 - d) JPICT Badan Berkanun di bawah KPM adalah seperti di **Lampiran D**; dan
 - e) JKTICT PdP adalah seperti di **Lampiran E**.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasa Pekeliling ini, **Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2014: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 10 Februari 2014** adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ICT ini dipanjangkan kepada semua Bahagian, Jabatan dan Badan Berkanun di bawah KPM.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPM ini adalah berkuat kuasa bermula dari tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

6 Jun 2016

Salinan Luaran:

1. Ketua Pengarah MAMPU, JPM

Salinan Dalaman:

2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
3. SUSK YB Menteri Pendidikan
4. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan I
5. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan II

Lampiran A

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KPM

Keahlian

Pengerusi:

Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

- (i) Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) selaku Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer*) KPM;
- (ii) Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran);
- (iii) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Dasar);
- (iv) Setiausaha/Pengarah Bahagian di KPM*;
- (v) Pegawai Keselamatan ICT;
- (vi) Ahli-ahli lain yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang [*subject matter expert* (SME)] dan pemilik projek; dan
- (vii) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.*

Urus Setia:

Bahagian Pengurusan Maklumat

*(akan ditentukan oleh Pengerusi)

Bidang Tugas

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT KPM;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT KPM dan semua agensi di bawahnya;
- (iii) Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT KPM dan semua agensi di bawahnya supaya selaras dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT;
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan ICT antara KPM dan semua agensi di bawahnya dengan pelan strategik KPM dan pelan strategik ICT Sektor Awam;
- (v) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT di KPM;
- (vi) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- (vii) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT KPM serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

- (viii) Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT KPM berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (ix) Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi KPM kepada JTISA untuk kelulusan teknikal;
- (x) Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT KPM dan dibuat perolehan kepada JTISA; dan
- (xi) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT bagi KPM yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JTISA mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Lampiran B

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI)

Keahlian

Pengerusi:

Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer*) KPM atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

- (i) Pengurus ICT
- (ii) Timbalan Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah Bahagian di KPM;*
- (iii) Pegawai Teknologi Maklumat KPM;*
- (iv) Pegawai Keselamatan ICT; dan
- (v) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang [*subject matter expert (SME)*] dan pemilik projek.

Urus Setia:

Bahagian Pengurusan Maklumat

*(akan ditentukan oleh Pengerusi)

Bidang Tugas

- (i) Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT KPM dan semua agensi di bawahnya;
- (ii) Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT KPM dan menyemak bahawa tiada pertindihan kutipan data hasil daripada pembangunan atau peningkatan projek ICT serta mengesyorkan perkongsian data secara pintar antara projek ICT KPM dan semua agensi di bawahnya;
- (iii) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPICT Kementerian dan JTISA dan melapor kepada JPICT KPM;
- (iv) Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah Kementerian serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT KPM; dan
- (v) Menyediakan laporan kepada JPICT KPM mengikut keperluan.

Lampiran C

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JPN

Keahlian

Pengerusi:

Ketua Jabatan/Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

- (i) Timbalan Pengarah;
- (ii) Ketua Sektor/Ketua Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri;
- (iii) Ketua Pegawai Pendidikan Daerah;
- (iv) Pegawai Keselamatan ICT;
- (v) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang [*subject matter expert (SME)*] dan pemilik projek.

Urus Setia:

Sektor ICT JPN

Bidang Tugas

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT agensi;
- (iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;
- (v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
- (vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- (viii) Mengemukakan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT agensi kepada JPICT KPM untuk kelulusan; dan

- (ix) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JPICT KPM mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Lampiran D

**BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)
BADAN BERKANUN**

Keahlian

Pengerusi:

Ketua Jabatan/Badan Berkanun atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

- (i) Setiausaha/Ketua Bahagian/Ketua Sektor
- (ii) Pengurus ICT;
- (iii) Pegawai Keselamatan ICT;
- (iv) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang [*subject matter expert* (SME)] dan pemilik projek.
- (v) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.*

Urus Setia:

Bahagian/Seksyen ICT Badan Berkanun

*(akan ditentukan oleh Pengerusi)

Bidang Tugas

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT agensi;
- (iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;
- (v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
- (vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- (viii) Mengemukakan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT agensi kepada JPICT KPM untuk kelulusan; dan

- (ix) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JPICT KPM mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Lampiran E

**BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PENYELARASAN INISIATIF
ICT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (JKTICT PdP)**

Keahlian

Pengerusi:

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (TKPPM) (Dasar)

Ahli-ahli:

- (i) Rektor/Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru;
- (ii) Pengarah/Timbalan Pengarah Bahagian di bawah Sektor KPPM;
- (iii) Setiausaha/Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat;
- (iv) Setiausaha/Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset; dan
- (v) Setiausaha/Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan

Urus Setia:

Bahagian Teknologi Pendidikan

Bidang Tugas

- (i) Penyelarasan hala tuju inisiatif ICT PdP dengan bisnes KPM;
- (ii) Menilai dan memperakukan projek ICT PdP kepada JTI serta JPICT KPM untuk diteruskan pelaksanaan berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (iii) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT PdP serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;
- (iv) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT PdP yang telah diluluskan oleh JPICT KPM; dan
- (v) Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT PdP serta mensyorkan cadangan penyelesaian kepada JTI dan JPICT KPM.